

Kuan Yew bangkitkan isu perkauman

BH-26/9/2006

KOTA KINABALU: Kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew berhubung dakwaan kedudukan masyarakat Cina di negara ini semakin dipinggirkan tidak seharusnya dibangkitkan.

Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk VK Liew, berkata bekas Perdana Menteri Singapura itu seharusnya memahami sensitiviti masyarakat negara ini sebelum membuat kenyataan seperti itu.

"Kita berharap sebarang kenyataan yang hendak dibuat oleh pemimpin itu pada masa depan, seharusnya

mengambil kira sensitiviti penduduk negara ini.

"Saya setuju pendapat beberapa pemimpin Pusat sebelum ini, apa juga kenyataan yang ingin dinyatakan, ia mestilah tepat dan bukan kenyataan yang boleh membangkitkan masalah perkauman di negara ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi LDP di sini semalam.

LDP ialah anggota komponen Barisan Nasional (BN) Sabah iaitu parti berteraskan masyarakat Cina yang setakat ini mempunyai keahlian kira-kira 71,000 di negeri ini.

Sementara itu di **JOHOR BAHRU**, Ketua Penerangan Umno Johor, Senator Dr Mohd Fuad Zarkashi, berkata ini bukan kali pertama Kuan Yew mengeluarkan kenyataan berunsur hasutan dan bersikap prejudis terhadap negara jirannya.

Katanya, ketika menjadi Perdana Menteri Singapura, Kuan Yew pernah membuat kenyataan masyarakat Cina di Malaysia adalah warga negara kelas kedua.

Justeru, beliau berkata, Umno Johor kecewa dengan sikap Kerajaan Singapura yang terus menggunakan

strategi lama membuat pelbagai tuduhan liar terhadap negara jirannya termasuk Malaysia bagi mendapat simpati pihak lain.

Dalam hubungan dua hala Malaysia-Singapura, kerajaan Malaysia sering jadi mangsa tetapi mereka (Singapura) tidak pernah berterima kasih sebaliknya sering menyalahkan kita kerana mengganggu mereka.

"Umno Johor mendesak Kuan Yew minta maaf secara terbuka terhadap kenyataan yang bersifat hasutan dan tidak sensitif dan mesra negara jiran," katanya di sini semalam.